



SEBAK...Rosmah (tengah) sebak ketika menyampaikan sumbangan kepada Ruslee (tiga dari kanan) dan tujuh beradik yang kehilangan ibu akibat virus HIV.
 METRO 17/05/06 (M.S 4)

‘Dah besar tak mahu jadi doktor’

SHAH ALAM: “Bila dah besar nanti, saya nak jadi askar...tak nak jadi doktor, sebab takut bagi darah tercemar macam yang kena dekat mak,” kata Muhammad Razi Ruslee, 9, anake-8 Allahyarhamah Norizan Ismail, mangsa jangkitan virus HIV didakwa kerana kecuai Hospital Daerah Segamat (HDS) ketika melakukan pembedahan darah selepas melahirkan anak bongsu empat tahun lalu.

Razi yang ditemui selepas majlis perasmian seminar sehari Kanak-kanak HIV/AIDS di Malaysia: Realiti dan Penyelesaian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, semalam, berkata demikian kerana masih bersedih

dengan kematian ibunya pada 24 Mac lalu selepas mengalami komplikasi berikutan virus merebak ke kepala, mata dan tekak.

Dia mengakui walaupun memahami ibunya sudah meninggal dunia, tetapi disebabkan perasaan rindu yang menebal, dia merasakan seolah-olah ibunya itu masih berada di sisi.

“Saya tau mak dah tak ada, tapi kadang-kadang mak balik rumah dan saya dapat merasakannya,” katanya.

Namun, bukan Razi seorang yang merindui ibunya, malah lima kakak, Siti Marzerin, 23; Maizatul Nadia, 19; Norazira, 18; Nurul Wada, 13; Norfatimah, 11 dan adik bongsunya, Noratirah Nabil-

la, 7, turut berkongsi perasaan yang sama.

Mereka ditemani bapa Ruslee Mansor, 49, hadir ke seminar berkenaan yang dirasmikan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor merangkap Penaung Yayasan Harapan Kanak-Kanak Malaysia (YHKM), bagi menerima sumbangan RM5,000.

Turut hadir, Yang Dipertua Balkis, Datin Seri Zaharah Kecik; Ketua Lembaga Penausihat YHKM, Tan Sri Zaleha Ismail; Timbalan Naib Canselor UiTM (Akademik dan Pengantarabangsaan), Profesor Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar dan Presiden Majlis Aids Malaysia, Dr Adeeb Kamaruzzaman.